

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[HULU RAJANG]**
- TARIKH** : **23 MAC 2015 (ISNIN)**
- SOALAN** : **Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menubuhkan agensi-agensi di bawah Kementerian seperti FAMA bagi membangunkan aktiviti pertanian di kawasan Kapit dan Belaga.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum merancang untuk membuka pejabat FAMA di Bahagian Kapit memandangkan FAMA telah menyediakan perkhidmatan pemasaran kepada golongan sasaran melalui Pejabat FAMA Bahagian Sibul.

Antara perkhidmatan yang telah diberikan oleh FAMA di Bahagian Kapit adalah seperti berikut:

- (i) Ladang Kontrak melibatkan 226 orang peserta dengan keluasan sebanyak 183.10 hektar
- (ii) 1AZAM – 15 orang peserta , Daerah Song

FAMA juga akan meningkat dan meluaskan lagi perkhidmatan pemasaran di Bahagian Kapit melalui pelaksanaan lebih banyak program dan aktiviti mengikut keperluan seperti Pasar Tani, Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR) dan Pusat Pengumpulan Ladang.